

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini disediakan untuk memberikan maklumat penting mengenai insurans kemalangan diri anda.

Liberty General Insurance Berhad
197801007153 (44191-P)

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

Tarikh: 12/2025

1 Apakah Liberty Tenang ini?

Liberty Tenang ialah polisi kemalangan peribadi individu yang menyediakan perlindungan 24 jam di seluruh dunia untuk kecederaan badan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh peristiwa ganas, tidak sengaja, luaran dan boleh dilihat. Faedah ini juga termasuk perbelanjaan perubatan, bayaran ambulans, elaun hospital harian, elaun perkabungan dan perbelanjaan pengembumian.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan pembayaran **RM75.00 setahun**, anda akan menerima **perlindungan Pelan 3*** berikut:
Anggaran premium: Jumlah diinsuranskan RM45,000, pekerja pejabat, kelas 1 dan berumur 30 tahun.

Polisi ini **melindungi**:

No.	Faedah-faedah	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3* (RM)	Pelan 4 (RM)
1.	Kematian Akibat Kemalangan	18,000	30,000	45,000	60,000
2.	Kecacatan Kekal	18,000	30,000	45,000	60,000
3.	Indemniti Berganda akibat Kemalangan Pengangkutan Awam	18,000	30,000	45,000	60,000
4.	Pendapatan Hospital Harian akibat Kemalangan (Sehingga 90 hari)	50	80	150	200
5.	Perbelanjaan Perubatan (maksimum 3 tuntutan setahun) (sehingga)	200	300	400	500
6.	Perubatan Alternatif (maksimum 3 tuntutan setahun) (sehingga)	-	50	50	100
7.	Pembetulan dan/ atau Pembedahan Pergigian	-	650	750	950
8.	Faedah Protesis dan/ atau Kerusi Roda	-	650	750	950
9.	Perkhidmatan Ambulan	200	300	500	600
10.	Elaun Perkabungan akibat Penyakit Bawaan Vektor	12,500	16,000	23,000	36,500
11.	Perbelanjaan Pengembumian akibat Kemalangan atau Penyakit Bawaan Vektor	2,000	2,450	3,000	4,500
Premium Tahunan (sebelum Duti Setem)		30	50	75	100

Tempoh perlindungan adalah 12 bulan. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.

Liberty General Insurance Berhad adalah ahli PIDM. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1 800 88 3833



Layari kami di
www.kurnia.com



Emel kami di
customer@kurnia.com



Imbas kod
QR di atas

Polisi ini tidak melindungi :
<ul style="list-style-type: none"> • Kecederaan atau penyakit yang sedia ada; • Sukan Berisiko Tinggi. • Bunuh Diri dan kecederaan yang disengajakan; • Pembunuhan atau serangan akibat provokasi; • Kehamilan atau Kelahiran anak melainkan disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh Kemalangan; • Penyakit akibat pandemic • Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS); • Melakukan atau cuba melakukan perbuatan yang menyalahi undang-undang; • Risiko Perperangan.
Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh . Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans Liberty Tenang Plan 3 ini, anda mesti membayar premium berikut:	
Perlindungan Asas	RM75.00 (setiap tahun)
(+) Perlindungan Tambahan	Tidak berkenaan
Premium Kasar	RM75.00
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) 8% Cukai Perkhidmatan	RM0.00 (dikecualikan)
(+) Duti Setem	Tidak berkenaan
Jumlah Premium Perlu Dibayar	RM75.00
Dimana ini termasuk:	
Komisen	15% daripada Premium Kasar atau RM11.25

Sila ambil perhatian bahawa:

- Cukai Perkhidmatan dikecualikan untuk Produk Liberty Tenang.
- Duti setem bagi premium tidak melebihi RM150 dikecualikan sehingga 31/12/2028. Duti setem sebanyak RM10 akan dikenakan mulai 1/1/2029 dan seterusnya.

4 Maklumat Penting Lain

<ul style="list-style-type: none"> • Anda mesti memberikan maklumat lengkap dan tepat di dalam borang permohonan. • Anda mesti mendedahkan semua fakta material seperti pekerjaan dan kegiatan peribadi anda. • Kegagalan untuk mematuhi mana-mana syarat polisi akan membatalkan semua tuntutan. • Kami berhak untuk memeriksa orang yang diinsuranskan semasa tuntutan dan sekiranya berlaku kematian, untuk melakukan bedah siasat di mana tidak dilarang di sisi undang-undang. • Sekiranya berlaku kemalangan, anda mesti memaklumkan kami dengan butir-butir penuh kemalangan / kecederaan dalam tempoh 14 hari selepas kemalangan tersebut berlaku. • Tunai Sebelum Perlindungan – Premium yang kena bayar mestilah dibayar dan diterima oleh Liberty General sebelum perlindungan bermula. Insurans ini secara automatik terbatal dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi. • Tempoh Semakan Percuma- anda boleh membatalkan polisi anda dengan memulangkan polisi dalam masa 15 hari selepas anda menerima polisi. Premium yang telah anda bayar (tolak sebarang bayaran perubahan yang ditanggung) akan dikembalikan kepada anda. • Tempoh Penangguhan – Premium yang dibayar mesti dibayar dan diterima oleh Liberty General dalam tempoh 30 hari dari tarikh premium di bayar. • Kelayakan – <ul style="list-style-type: none"> i) Warganegara Malaysia, Pemastautin Tetap, atau pemastautin asing/warga asing dengan Permit Kerja/Pas Pekerjaan yang sah atau bekerja secara sah di Malaysia. ii) Umur kemasukan orang yang diinsuranskan mestilah antara 18 tahun sehingga 60 tahun sahaja, boleh diperbaharui sehingga umur 65 tahun.
Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh . Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya batalkan polisi saya?

- Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan notis bertulis kepada kami. Sewaktu pembatalan anda layak untuk menerima sebahagian bayaran balik premium (jika berkenaan).
- Tiada bayaran balik premium jika minimum premium dibayar atau tuntutan telah dibuat ke atas polisi.
- Untuk maklumat sepenuhnya mengenai bayaran balik pembatalan, sila rujuk kepada kontrak polisi.